




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
2018**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA : 20 MAC 2018




KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.11 HINGGA NO.66)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



Soalan No:11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 20.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dari segi pelaksanaan mekanisme dua guru satu kelas yang dilihat bakal meningkatkan kos dari segi penggajian sebagai usaha untuk memperkasa Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) dan menghentikan pengasingan murid mengikut tahap penguasaan akademik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, pelbagai cadangan telah diterima termasuklah kaedah dua guru dalam satu kelas. Walau bagaimanapun, setelah diperhalusi cadangan tersebut, KPM berpandangan bahawa guru sedia ada dapat melaksanakan tugas sebagai tenaga pengajar dengan baik. Perubahan peranan guru sebagai pemudahcara dalam pengajaran yang berpusatkan murid dalam konteks pembelajaran abad ke-21 pada masa kini turut membantu meningkatkan keupayaan guru mengurus pembelajaran murid dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pemansuhan pengasingan kelas mengikut tahap penguasaan akademik murid ini dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang positif di bilik darjah berteraskan pemupukan nilai berbentuk sejagat bagi menyediakan murid menghadapi cabaran global.

Penempatan murid dalam kelas yang tidak mengikut tahap penguasaan akademik murid bertepatan dengan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Ia memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama, membina sikap keterbukaan, toleransi, serta sikap ingin membantu dalam kalangan murid yang berbeza keupayaan. PAK21 bermaksud proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis serta kreativiti (4K) dan aplikasi nilai dan etika (1N).

Dalam hal ini, KPM juga menyediakan sokongan berterusan dengan menggunakan khidmat *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+), *School Improvements Partners* (SIP+) serta pegawai akademik di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.